

SOALAN NO. : 122

DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DR. ISMAIL BIN DAUT [MERBOK]

SOALAN :

Dr. Ismail Bin Daut [ Merbok ] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah tindakan yang dilakukan oleh Kementerian terhadap semua bekas-bekas lombong di negara ini untuk mengelakkan kejadian lemas seperti di lombong bauksit Kuantan berlaku lagi.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini menggalakkan Kerajaan Negeri menggunakan wang dalam Kumpulan Wang Pemulihan Bersama yang dibayar oleh pengusaha lombong selaras peruntukan di bawah Enakmen Mineral Negeri untuk memulihkan tanah-tanah yang terjejas akibat aktiviti perlombongan termasuk tanah-tanah bekas lombong kecuali tanah milik. Selain itu, di bawah Peraturan-Peraturan Pembangunan Mineral (Skim Pengendalian Melombong, Pelan dan Buku Rekod) 2007 semua pengusaha diwajibkan untuk mengemukakan suatu Skim Pengendalian Melombong yang antara lainya mengandungi cadangan pemulihan secara progresif dan cadangan penutupan lombong. Skim tersebut perlu dipatuhi oleh pengusaha dan aktiviti tersebut dikawalselia oleh Jabatan Mineral dan Geosains.

Kaedah menimbus lubang yang terhasil daripada aktiviti pengekstrakan mineral merupakan salah satu dari kaedah-kaedah pemulihan bekas lombong. Walau bagaimanapun, terdapat kaedah lain yang boleh digunakan oleh pengusaha bagi memulihkan lombong mengikut perancangan kegunaan akhir tanah tersebut seperti penstabilan cerun, dan *revegetation*.

Dalam hal ini, Kementerian menegaskan sekiranya pengusaha gagal untuk mematuhi Skim Pengendalian Melombong yang telah diluluskan, mereka akan dikenakan tindakan tegas berdasarkan perundangan yang sedang berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.